

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR**  
**[TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan di negeri Selangor bagi setiap bidang dalam Bidang Keberhasilan Negara (NKRA).**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat utama Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah untuk memastikan jurang ketidaksamaan sosioekonomi dapat ditangani dan kebolehcapaian kemudahan sosial pula dipertingkatkan. Ini dapat dilihat dari hasil dan impak pelaksanaan kesemua tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di seluruh negara.

Untuk itu, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM16.6 bilion bagi tahun 2013 sehingga 2015 untuk pelaksanaan kesemua NKRA yang mana sebanyak 8.6% atau RM1.4 bilion telah dibelanjakan untuk negeri Selangor. Butiran perbelanjaan bagi setiap pelaksanaan NKRA di negeri Selangor adalah seperti berikut:

- 1) NKRA Mengurangkan Jenayah telah membelanjakan sebanyak RM 56.08 juta dalam tempoh 2013 sehingga September 2015, dengan tanggungan tambahan bagi tahun 2015 sebanyak RM 0.248 juta di negeri Selangor.
- 2) NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT) telah membelanjakan sebanyak RM 89 juta dalam tempoh 2013 sehingga September 2015 di negeri Selangor. Ini termasuk perbelanjaan untuk fasiliti "*Park and Ride*", Hentian Akhir Bandar dan membina laluan pejalan kaki untuk penumpang. Jumlah ini

tidak termasuk projek lain di bawah NKRA UPT yang meliputi negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seperti KTMB, mempertingkatkan perkhidmatan teksi, KTM Komuter dan aplikasi Perancang Perjalanan.

- 3) NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar telah membelanjakan sebanyak RM 22.47 juta dalam tempoh 2013 sehingga September 2015 di negeri Selangor untuk inisiatif pembinaan jalan perhubungan desa, program bantuan rumah, bekalan air dan elektrik luar bandar.
- 4) NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti telah membelanjakan sebanyak RM 16.16 juta dalam tempoh 2013 sehingga 2014. Jumlah ini adalah untuk inisiatif Sekolah Berprestasi Tinggi dan Prasekolah. Perbelanjaan bagi tahun 2015 bagi negeri Selangor masih tidak dapat dimuktamadkan kerana peruntukan untuk bantuan yuran pra-sekolah adalah berdasarkan permohonan manakala anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi adalah berdasarkan kelayakan sekolah terhadap kriteria yang ditetapkan.
- 5) NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah telah membelanjakan sebanyak RM23.94 juta untuk program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin) di negeri Selangor, yang bertujuan membantu kumpulan berpendapatan rendah membantu diri sendiri. Program 1AZAM memberikan sokongan dan latihan dalam empat aliran kerja iaitu AZAM Kerja, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan AZAM Tani serta untuk golongan miskin bandar, AZAM Bandar.

6) NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat telah membelanjakan sebanyak RM 1.2 bilion bagi tempoh 2013 sehingga September 2015 di negeri Selangor, untuk BR1M, Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia.

7) Bajet bagi NKRA Membanteras Rasuah pula diperuntukkan untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan program yang berkaitan. Walaupun agihan peruntukan dan pelaksanaan program dilakukan di peringkat Kerajaan Persekutuan, negeri Selangor masih mendapat manfaat daripada pelaksanaan GTP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan syarat-syarat berkaitan tawaran "*Matching Grant*" dengan nisbah 9:1. Adakah Jawatankuasa Pengurusan Rumah-Rumah Pangsa diberi ruang untuk memutuskan jenis "*repair*" yang diinginkan dan memilih kontraktor untuk melakukannya.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program membaik pulih/ menyelenggara perumahan berstrata kos rendah swasta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dilaksanakan dengan kaedah *matching grant* berkadar 90:10.

Program ini merangkumi skop kerja membaik pulih/ menyelenggara lif, tangki air dan sistem retikulasi, paip sanitari, bumbung, tangga dan *handrail*, mengecat bangunan, pendawaian semula serta membaik pulih kerosakan am yang melibatkan harta bersama.

Proses perolehan termasuk pemilihan kontraktor dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)/ Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPN)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).